

**UCAPAN PERASMIAN
PROGRAM TOLERANSI SIFAR KEGANASAN: SAY NO TO SEXUAL
HARASSMENT**

**YANG BERHORMAT DATO' NOORZUNITA BEGUM BINTI MOHD
IBRAHIM**

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Negeri Sembilan

YANG BERHORMAT PUAN NICOLE TAN LEE KOON

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian Dan
Kebudayaan Negeri Sembilan

YANG BERUSAHA PUAN HANANI BINTI SAPIT

Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita

YANG BERUSAHA ENCIK HAIRIL FADZLY MD. AKIR

Timbalan Ketua Pengarah
Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN DAN AGENSI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

SERTA PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima kasih kepada Pengacara Majlis, **Puan Noorshazana Shaadan**,
Jurubahasa Isyarat, **Puan Lim Yoke Kwan (Lucy)**, Pembaca Doa, **Encik
Mohd Kah'har bin Chek Kassim** dan Pembaca Ikrar dari AMANITA.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini sempena Program Toleransi Sifar Keganasan: Say No to Sexual Harassment.

Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuhkan usaha membina masyarakat yang lebih selamat, beretika dan saling menghormati.

AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022 [AKTA 840] DAN TRIBUNAL

Kerajaan telah mengambil langkah tegas dalam menangani isu gangguan seksual melalui penggabalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840].

Akta ini memperkukuh usaha pencegahan, pengendalian aduan dan perlindungan mangsa secara lebih menyeluruh dan sistematik.

Dalam masa yang sama, Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) diwujudkan sebagai mekanisme alternatif yang lebih cepat, mudah dan berpatutan untuk mangsa mendapatkan keadilan.

Sehingga 15 Jun 2026, sebanyak 100 aduan telah difailkan, dengan 82 kes berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari selepas pendengaran pertama. Ini membuktikan keberkesanan sistem tribunal dalam mempercepat akses kepada keadilan.

PROGRAM ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

Hadirin sekalian,

Gangguan seksual merupakan salah laku serius yang menjejaskan maruah, emosi dan kesejahteraan mangsa, dan tidak boleh dinormalisasikan dalam masyarakat.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan kes daripada 477 pada tahun 2022 kepada 1,038 pada tahun 2025, dengan 388 kes direkodkan sehingga Mei 2026.

Peningkatan ini bukan sahaja mencerminkan kadar kes, tetapi juga menunjukkan keberanian masyarakat untuk tampil membuat laporan dan menolak budaya berdiam diri.

WOMEN, PEACE AND SECURITY

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) melaksanakan advokasi Women, Peace and Security (WPS) selari dengan National Action Plan 2025–2030 bagi memperkukuh peranan wanita dalam aspek keselamatan dan pembangunan negara.

HARAPAN DAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Saya berharap semua pihak dapat bersama-sama membantu KPWKM memperluaskan advokasi berkaitan gangguan seksual bagi meningkatkan kesedaran awam tentang hak, keselamatan diri dan kepentingan pencegahan.

Isu yang tidak ditangani dari peringkat awal boleh berkembang menjadi lebih serius dan berpotensi membawa kepada pelbagai bentuk keganasan yang memberi kesan kepada individu serta keharmonian masyarakat.

Kita semua — sama ada sebagai ibu bapa, pendidik, majikan, rakan sekerja atau pelajar — mempunyai tanggungjawab bersama untuk membina budaya sifar toleransi terhadap gangguan seksual.

Pendidikan awal, keberanian untuk bersuara dan sistem sokongan kepada mangsa perlu terus diperkasakan.

Dengan kerjasama semua pihak, kita mampu membentuk persekitaran yang lebih selamat, beretika dan menghormati maruah setiap individu.

Saya percaya dengan komitmen kepimpinan, sokongan rakan strategik dan penglibatan masyarakat, usaha membanteras gangguan seksual dapat diterjemahkan kepada tindakan yang lebih berkesan serta memberi impak yang menyeluruh.

Kerajaan juga menyediakan perkhidmatan sokongan bersepadu melalui pelbagai saluran, termasuk kaunseling dan sokongan psikososial melalui Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam, tujuh hari seminggu, serta pusat sokongan sosial setempat di bawah inisiatif berkaitan bagi membantu masyarakat mendapatkan bantuan yang diperlukan.

PENUTUP

Sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berpegang kepada prinsip berikut:

- Berani bersuara melalui saluran yang betul
- Simpan bukti untuk membantu proses keadilan
- Jangan berdiam diri dan dapatkan bantuan
- Sokong mangsa tanpa stigma
- Fahami dan lindungi hak diri

Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Program Toleransi Sifar Keganasan: Say No to Sexual Harassment.

Pantun:

Burung merpati terbang sekawan,
Hinggap berehat di pohon sena;
Berani bersuara demi kebenaran,
Hentikan gangguan, lindungi semua.